

583:  
MAHATHIR

1975

KAJANG, 21 JULAI (BERNAMA)-MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR HARI INI MENYERU PARA GURU DAN IBU BAPA BEKERJASAMA MENGHAPUSKAN KEGIATAN-KEGIATAN LIAR DI KALANGAN MURID DENGAN MEMBERI BIMBINGAN MORAL DAN UGAMA KEPADA MEREKA.

IBUBAPA JUGA HENDAKLAH MEMBERI PENGAWASAN YANG RAPI TERHADAP KALAKUAN ANAK-ANAK MEREKA.

DR. MAHATHIR MEMBUAT SERUAN TERSEBUT KETIKA BERUCAP DI MAJLIS HARI UCAPAN TAHUNAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH SEKOLAH TINGGI KAJANG DI SINI.

KEGIATAN-KEGIATAN LIAR MURID-MURID YANG DIMAKSUDKAN TERMASUK KETAGIHAN DADAH, PONTENG SEKOLAH DAN PENGARUH YANG DIBAWA OLEH MURID-MURID YANG TIDAK BERDISIPLIN.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN, SEKIRANYA PENGARUH-PENGARUH TERSEBUT TIDAK DIKAWAL DENGAN RAPI, LEBIH RAMAI MURID AKAN MENEMUI KEGAGALAN DAN STERUSNYA MENAMBAHKAN LAGI MASALAH SOSIAL NEGARA.  
-BERSAMBUNG HM 1730

584:  
MAHATHIR 2 KAJANG

DR. MAHATHIR BERKATA, ORANG-ORANG DEWASA, DISAMPING MEMBERI BIMBINGAN DAN NASIHAT, PERLU MENUNJUKKAN CONTOH YANG BAIK KEPADA ANAK-ANAK.

JIKA ANGGUTA MASYARAKAT MENDEDAHKAN KEPADA MEREKA ANASIR-ANASIR YANG TIDAK DIINGINI, ADALAH MUDAH BAGI ANAK-ANAK ITU TER-

PENGARUH DENGAN PENGARUH-PENGARUH TERSEBUT.

BELIAU JUGA MENEKANKAN PERLUNYA PERSATUAN IBUBAPA--GURU-GURU MENYESUAIKAN RANCANGANNYA DENGAN PERUBAHAN-PERUBAHAN SOSIAL DAN TEKONOLJI YANG BERLAKU DALAM NEGARA.

DENGAN CARA DEMIKIAN MASALAH PELAJARAN AKAN DAPAT DIKURANGKAN DAN MATLAMATNYA LEBIH MUDAH TERCAPAI.

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, PENYERTAAN PERSATUAN IBUBAPA-GURU-GURU SERTA LEMBAGA-LEMBAGA PENGELOLA SEKOLAH DALAM NEGERI AKAN DAPAT MENINGGIKAN MUTU PELAJARAN DI NEGARA INI. -- BERNAMA HM  
1730

33